

Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia,
Tingkat 9-14 Bangunan U.M.B.C.
Jalan Sulaiman,
Kuala Lumpur.
3hb. Julai, 1973

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 13. TAHUN 1973

Tanggungaji Penyelia Talipon, Tingkatan II

Adalah dimaklumkan bahawa dengan terlaksananya perakuan Suruhanjaya Gaji Di Raja Suffian (Suruhanjaya Suffian) tanggungaji Penyelia Talipon, Tingkatan II di Jabatan Talikom ('exchange' besar) dan di Jabatan-jabatan lain ('exchange' kecil) adalah seperti berikut:-

Jabatan Talikom ('exchange' besar) \$400x25-475
Jabatan-jabatan lain ('exchange' kecil) \$425x25-525

2. Kerajaan telah mengkaji semula tanggungaji yang diperakukan oleh Suruhanjaya Suffian itu dan telah memutuskan:-
 - (i) bahawa Penyelia Talipon, Tingkatan II yang sedang berkhidmat di Jabatan Talikom dan Jabatan-jabatan lain hendaklah diletakkan atas tanggungaji \$425x25-525 sebagai untuk penyandang;
 - (ii) bahawa Operator Talipon yang akan dinaikkan pangkat ke jawatan Penyelia Talipon, Tingkatan II di Jabatan Talikom dan Jabatan-jabatan lain tanggungajinya ialah \$400x25-475 ;
 - (iii) bahawa tarikh kuatkuasa perubahan ini ialah 1.6.1973.
3. Sifir pemindaan gaji bagi Penyelia Talipon Tingkatan II di Jabatan Talikom adalah seperti di [Lampiran 'A'](#).

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD
JALALUDIN)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

Ketua Setiausaha-Setiausaha/Setiausaha Kementerian.
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.
Yang Berhormat, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri, Malaysia Barat.

Jadual Pemindahan Gaji

- i) Jawatan : Penyelia Talipon, Tingkatan II, Jabatan Talikom
- ii) Tanggagaji sekarang : \$400 x 25 - 475
- iii) Tanggagaji Baharu : \$425 x 25 - 525

<u>Tanggagaji Pada</u> <u>31.5.1973</u>	<u>Tanggagaji Baharu</u> <u>mulai</u> <u>Daripada 1.6.1973</u>
\$400.00)	\$425.00
425.00)	
450.00	450.00
475.00	475.00
	500.00
	525.00

Catitan:

- i) Tarikh kenaikan gaji yang baharu bagi pekerja-pekerja yang berpindah dari 2 mata gaji atau lebih di atas tanggagaji sekarang kepada satu mata gaji di atas tanggagaji baharu adalah diubah menurut peruntukan di Lampiran 'B' di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/1970](#) yang diubahsuaikan.
- ii) Bagi seseorang pekerja yang telah berada di atas mata gaji yang tertinggi sekali dalam tanggagaji sekarang selama satu tahun atau lebih pada atau sebelum 1.6.1973, maka tarikh kenaikan gajinya hendaklah diubah kepada 1hb. Julai.